

# Ajaran sesat Millah Abraham miliki 'jemaah menteri' mahu tubuh kerajaan

**BATU PAHAT** - Ajaran sesat Millah Abraham yang didapati mempunyai barisan 'jemaah menteri' cukup berisiko mengancam keselamatan dan keharmonian negara.

Exco Agama Islam Negeri Johor, Mohd Fared Mohd Khalid berkata, kumpulan itu bercita-cita mahu menubuhkan kerajaan dan mempunyai kerajaan sendiri ala Millah Abraham.

"Hasil pemantauan dan risikan Jabatan Agama dan Cawangan Khas Polis Diraja Malaysia (PDRM), mereka mempunyai struktur mereka sendiri dan sampai satu peringkat untuk menubuhkan negara dan kerajaan sendiri.

"Jadi kita tidak mahu pertubuhan ini bercambah dan keahlian mereka bertambah kerana mereka boleh mencetuskan perpecahan dan keharmonian negara.

"Kita bimbang menimbulkan sebarang kekecohan kerana mereka bercita-cita untuk menubuhkan sebuah negara ala Millah Abraham," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Istiadat Pentaulahan Kor Siswa Siswi Pertahanan Awam Peringkat Kebangsaan ke-15 di Universiti Tun Hussein Onn (UTHM) di sini pada Ahad.

Mohd Fared berkata, ke-



“

Kita bimbang menimbulkan sebarang kekecohan kerana mereka bercita-cita untuk menubuhkan sebuah negara ala Millah Abraham.”

- Mohd Fared

pimpinan ajaran sesat Millah Abraham wujud di seluruh negara dan diburu pihak berkuasa bagi mengekang kumpulan itu.

Beliau seterusnya meminta agar orang ramai tidak menyimpan apa-apa bahan termasuk buku berkaitan Millah Abraham kerana ia menjadi kesalahan di bawah peruntukan undang-undang.

"Kita membuat pemantauan terhadap pengikut-pengikutnya atau mana-mana individu yang memiliki bahan-bahan cetakan, sebarang buku yang mengandungi ajaran tersebut jika tidak pasti nasihat saya jangan terima, simpan laporkan kepada jabatan agama ataupun PDRM," katanya.

Pada Rabu lalu, seorang lelaki berusia lingkungan 45 hingga 50-an disyaki pengikut Millah Abraham bertaraf 'menteri' dalam hierarki ajaran sesat itu ditahan dalam operasi bersepadu di Batu Pahat.

Ajaran yang telah difatwakan haram di Johor itu mempunyai kefahaman yang mana ahlinya percaya sembelihan dibuat bukan ahli adalah tidak sah, selain mempercayai kewujudan nabi baharu dan mempunyai syahadah berbeza.

Mereka juga cuba menggabungkan tiga agama membabitkan Yahudi, Nasrani dan Islam, selain menghuraikan ajaran al-Quran berdasarkan fahaman sendiri.